

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 75**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan untuk membuka lapangan-lapangan terbang di Sarawak untuk menerima penerbangan dari luar negara bagi memudahkan kedatangan pelancong asing ke negeri itu.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Pada masa ini, Malaysia telahpun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu di KLIA, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru. Lapangan-lapangan terbang lain adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa ini.

2. Sarawak mempunyai sebuah lapangan terbang antarabangsa (Kuching) dan 5 lapangan terbang domestik (Sibu, Miri, Bintulu, Limbang dan Mulu) serta 12 buah *Short Takeoff and Landing Airports* (STOLports)

3. Walaupun tidak berstatus antarabangsa, lapangan-lapangan terbang domestik di Sarawak mampu mengendalikan penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual dengan penyediaan kemudahan-kemudahan yang menyokong kepada penerimaan penerbangan antarabangsa tersebut seperti kemudahan CIQ. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memastikan kemudahan di semua lapangan terbang di Sarawak mencukupi melalui projek-projek pembangunan lapangan terbang yang ada.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan terus dari mana-mana negara ke/dari Sarawak dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
- ii. memasukkan lapangan-lapangan terbang Sarawak sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services* (MAFLPAS) dan *Air Transport Agreement Between The*

*Governments Of The Member States Of The Association Of Southeast Asian Nations And The Government Of The People's Republic Of China (AC-ATA).* Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN dan Republik Rakyat China (RRC), tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan

iii. memasukkan destinasi-destinasi seperti Miri, Sibu dan Bintulu sebagai salah satu daripada destinasi yang diliberalisasikan di bawah kerjasama Brunei Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Memorandum of Understanding (MoU) on Expansion of Air Linkages. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara BIMP-EAGA dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi BIMP-EAGA, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;

iv. menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke Sarawak oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.

5. Dalam hubungan ini, sebarang rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Sarawak adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

6. Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan antarabangsa dari pelbagai laluan ke Sarawak.